

ABU HASAN AL-ASYA'ARI: IMAM AHLI SUNAH WAL JAMAAH

Oleh:
Dato' Seri Haji Wan Zahidi Bin Wan Teh
Mufti Negeri Perak

Rasulullah S.A.W bersabda dalam sebuah hadis riwayat Ibnu Majah:

تَرْكُّتُمْ عَلَى الْبَيْضَاءِ لَيْلَهَا كَهَارَهَا لَا يَرْجِعُ عَنْهَا بَعْدِي إِلَّا هَالِكٌ مَنْ يَعْشُ مِنْكُمْ فَسَيَرَى
اخْتِلَافًا كَثِيرًا فَعَلَيْكُمْ بِمَا عَرَفْتُمْ مِنْ سُنْنَتِي وَسُنْنَةِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ.

“Aku tinggalkan kamu atas jalan yang terang ,malamnya sama dengan siang; sesiapa yang menyimpang daripada jalan tersebut selepasku pasti bianasa, sesiapa yang hidup daripada kamu (selepasku) maka pasti ia akan melihat perselisihan fahaman yang banyak, maka hendaklah kamu sekalian berpegang dengan apa yang kamu ketahui daripada Sunnahku dan Sunnah khalifah-khalifah Rasyidin yang mendapat hidayat”.

Dalam sebuah hadis yang lain yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah dan Al-Hakim. Baginda S.A.W. memberitahu mengenai banyaknya fahaman bid'ah yang akan lahir selepas Baginda S.A.W. wafat, dan menekankan yang terselamat daripadanya hanya satu kumpulan sahaja. Apabila ditanya Baginda S.A.W. menjawab (الجماعۃ). Menurut Iman Al-Tabari, yang dimaksudkan dengan “al-Jamaah” ialah “Assawadul A’zam” (السوداد) (الأعظم), iaitu kumpulan umat terbesar.

Dalam riwayat yang lain, Baginda menjawab: (ما أنا عليه وأصحابي) “Golongan yang mengikuti jalanku dan sahabatku”. Hadis-hadis seperti ini adalah dinamakan ‘Al-mu’jizah Al-khabariyah’ (المعجزة) (الخبرية), yakni memberitahu perkara-perkara yang akan terjadi pada masa akan datang.

Kedua-dua hadis di atas merupakan dalil gelaran bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai kumpulan yang terselamat (الفرقة الناجية) selepas kewafatan Baginda S.A.W. Oleh itu, gelaran ini bukanlah rekaan ulama' seperti yang dituduh oleh musuh-musuh Ahli Sunnah. Pengikut-pengikut manhaj akidah yang dihurai oleh Imam Al-Asya'ari dan Al-Maturidi menepati panduan yang digariskan oleh Rasulullah S.A.W. ketika timbul pelbagai fahaman bid'ah seperti yang disebut dalam sebuah hadis riwayat Imam Ahmad dan Ibnu Majah:

فِإِذَا رَأَيْتُمْ اخْتِلَافًا فَعَلِيهِمْ بِالسَّوَادِ الْأَعْظَمِ

“Apabila kamu melihat berlaku perselisihan dalam fahaman maka hendaklah kamu mengikut kumpulan umat terbesar”.

Akhir-akhir ini wujud usaha-usaha pengeliruan atau “التشويش” bagi menimbulkan kecelaruan tentang siapakah yang dikatakan Ahli Sunah Wal Jamaah. Terdapat golongan yang menuduh Ahli Sunah Wal Jamaah aliran Asyairah Maturidiyah yang membentuk 95% daripada keseluruhan umat ini sebagai golongan yang sesat. Di pihak yang lain pula, terdapat golongan “syaz” atau serpihan seperti Wahhabiyah yang menyebarkan ajaran bid'ah mendakwa bahawa mereka adalah Ahli Sunah Wal Jamaah dengan menuduh jumhur ummah yang terdiri daripada Asya'irah dan Maturidiyah terkeluar daripada aliran arus perdana ini. Keadaan ini memerlukan penegasan semula tentang takrif Ahli Sunah Wal Jamaah dan tokoh-tokoh utamanya perlu diperkenalkan kembali bagi memelihara akidah umat Islam daripada terpesong. Tulisan ini akan membicarakan salah seorang tokoh utama Ahli Sunah Wal Jamaah iaitu Imam Abu Hasan Al-Asya'ari.

Al-Imam Abu Al Hasan Al-Asya'ari (260-324H/874-936M).

Beliau ialah Abul Hasan Ali Bin Ismail Al-Asya'ari (أبو الحسن علي) (بن إسماعيل الأشعري). Dilahirkan di Basrah pada tahun 260H, dan meninggal dunia di Baghdad pada tahun 324H. Salasilah nasabnya sampai kepada sahabat Nabi S.A.W. Abu Musa Al-Asya'ari. Sebelum meninggal dunia, bapanya Ismail bin Ishaq mewasiatkan anaknya Abul Hasan kepada Al-Sheikh Zakaria Bin Yahya Al-Saji (زكريا بن يحيى الساجي), seorang ulama' besar dalam bidang Fekah Syafi'i, Tafsir dan Ilmu hadis. Antara guru beliau ialah faqih Al-Syafi'i Abu Ishaq Al-Marwazi (أبو اسحاق المروزي) yang meninggal pada tahun 340H, dan Al-Syeikh Ahmad Bin Suraij (الشيخ أحمد بن سريج) Qadi Syiraj yang meninggal pada tahun 307H.

Daripada latar belakang pengajiannya Imam Al-Asya'ari bukan sahaja mahir dalam bidang Usuluddin, tetapi juga merupakan seorang ahli Hadis dan fakih dalam Mazhab Syafi'i, seperti yang dinyatakan oleh Imam Abu Qasim Al-Qusyairy:

اتفق أصحاب الحديث على أن أبا الحسن علي بن إسماعيل الأشعري كان إماماً من أصحاب الحديث - مذهبة مذهب أصحاب الحديث - تكلم في أصول الديانات على طريقة أهل السنة ورد على المخالفين من أهل الزيف و البدعة

"Ahli-ahli Hadis sepakat menyatakan bahawa Abu Hassan Al-Asya'ari adalah seorang imam daripada imam-imam ahli Hadis, mazhabnya adalah mazhab ahli Hadis. Beliau menghuraikan ilmu Usuluddin mengikut jalan Ahli Sunah dan menjawab terhadap golongan yang menyeleweng daripada kalangan ahli bid'ah."

Perkembangan Fahaman Agama Sebelum Kemunculan Imam Al-Asya'ari

Selepas zaman sahabat, iaitu zaman tabi'in menyaksikan perluasan kawasan penyebaran Islam ke pelbagai negara dan kota-kota besar pada ketika itu, maka dengan demikian peranan pengajaran agama dan fatwa beralih kepada para ulama daripada kalangan tabi'in, tabi' tabi'in dan seterusnya. Penduduk di negara-negara yang baru memeluk Islam itu telah sedia menganut pelbagai akidah dan agama serta terdiri daripada berbagai budaya. Sebahagian daripada mereka yang menganut Islam juga masih terbawa-bawa dengan fahaman dan kepercayaan mereka yang lama, sementara sebahagian yang lain pula menganut agama Islam secara zahir dengan tujuan merosakkannya daripada dalam. Maka daripada sini timbulah kepercayaan-kepercayaan bida'ah yang menyesatkan khususnya dalam bidang akidah. Menggambarkan keadaan ini, Dr Majdi Basalum menyatakan dalam bukunya:

(في بيان العوامل الخارجية لنشأة علم الكلام)

"Seperti yang diketahui bahawa di negara-negara yang baru masuk di bawah pemerintahan Islam terdapat pelbagai kepercayaan agama serta budaya, misalnya Kristian di Mesir, Syam dan Iraq dan Afrika, agama Yahudi di Iraq dan utara Hijaz, manakala di sebelah Parsi dan negeri-negeri di bahagian Asia Barat terdapat agama-agama seperti "Zoroastrianian" (الزراشتية), "Manichaeism" (المانوية) "Masdakism" (المذكية). Penganut-penganut kepercayaan di atas juga sudah tentu membawa bersama-sama mereka pengaruh-pengaruh lain seperti falsafah Greek yang meresapi pemikiran-pemikiran yang dibawa oleh mereka".

Tentulah tidak mudah bagi mereka yang baru memeluk Islam ini untuk melepaskan diri daripada pengaruh ajaran lama yang mereka anuti ini tidak termasuk mereka yang masuk Islam dengan tujuan merosakkannya dari dalam. Kedua-dua golongan ini melontarkan ketengah-tengah masyarakat fahaman-fahaman lama mereka yang dicampur adukkan dengan ajaran Islam, lalu lahirlah ajaran-ajaran bid'ah yang menyesatkan, khususnya dalam bidang akidah. Ajaran-ajaran ini ditonjolkan sebagai ajaran Islam yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunah. Masyakakat awam yang terdedah kepada suasana seperti ini berada dalam kebingungan untuk menentukan manakah ajaran yang benar dan manakah ajaran yang salah.

Terdapat puluhan ajaran bida'ah yang beredar di tengah-tengah masyarakat Islam pada ketika itu, namun dalam tulisan ini saya hanya akan menyebut beberapa firqah utama, yang mana setiap firqah tersebut berpecah pula kepada berpuluhan-puluhan firqah, yang satunya mengkafirkan yang lain:

1. ***Khawarij*** (خوارج): *Khawarij* merupakan firqah pertama yang terkeluar daripada Ahli Sunah Wal Jamaah. Mereka terdiri daripada sebahagian pengikut Sayidina Ali Karramallah Wajhah yang tidak bersetuju dengan keputusan tahlkim atau perdamaian antara Baginda dan Mu'awiyah, lalu keluar daripada Al-Jama'ah atau kumpulan majoriti ummah di bawah pimpinan Sayidina 'Ali. Antara pegangan mereka ialah:

- a) Menghukum kafir terhadap Sayidina 'Ali, Othman dan semua yang tidak mengikut kefahaman mereka;
- b) Orang yang melakukan dosa besar adalah kafir serta kekal dalam neraka;
- c) Mengharuskan penentangan bersenjata terhadap pemerintah yang mereka anggap zalim.

Terdapat satu kumpulan yang sangat ekstrim di kalangan khawarij yang dipanggil "Albaihasiyyah" (البيهسية). Mereka berpegang kepada prinsip:

(متى كفر الإمام كفر رعيته أيضاً)

“Mana-mana pemerintah yang mereka hukum kafir, maka rakyatnya juga menjadi kafir”.

Maka dengan itu, mereka menghalalkan darah para pemerintah dan rakyat yang tidak bersama dengan mereka. Oleh yang demikian, saya berpendapat adalah tepat apabila pihak keselamatan menyenaraikan beberapa kumpulan ajaran sesat sebagai ancaman kepada keselamatan negara.

2. ***Mu'tazilah*** (معتزلة): Firqah *Mu'tazillah* adalah merupakan kesinambungan daripada pemikiran *qadariyah* (قدريّة) yang disebut dalam sebuah hadis:

(القدرية مجوس هذه الأمة)

“Qadariyah” adalah majusi umat ini”. (riwayat Albaihaqi)

Mereka beriktikad bahawa seseorang hamba itu *mencipta atau menjadikan* (يخلق) apa-apa yang dilakukan olehnya; bukan (كسب), yakni *mengusahakan* sepertimana dengan Ahli Sunah. Mereka juga beriktikad bahawa Allah tidak mencipta kejahanan (لم يخلق الشر). Ini kerana agama majusi mempercayai dua Tuhan; iaitu Tuhan Cahaya yang merupakan Tuhan Kebaikan dan Tuhan Kegelapan yang merupakan Tuhan Kejahanan. Di sisi penganut *Majusi*, segala kejahanan dicipta oleh Tuhan Kegelapan; manakala Allah merupakan Tuhan Cahaya. Iktikad seperti ini kufur, kerana bertentangan dengan firman Allah:

من شر ما خلق

“Daripada kejahanan yang Allah jadikan”.

3. ***Musyabbihah*** (المُشَبِّهُ) Puak ini dinamakan “*Musyabbihah*” kerana mereka menyerupakan Allah dengan makhluk. Mereka juga digelar “*Mujassimah*” (مجسمة) kerana mengatakan Allah itu berjisim, yakni mempunyai bentuk seperti makhluk. Mereka terbahagi kepada beberapa firqah, antaranya:
 - i. ***Sabaiyah*** (سبائية) yang menuhankan Sayidina ‘Ali,
 - ii. ***Bayaniyah*** (بيانية) yang mempercayai Tuhan mereka berbentuk manusia daripada segi anggota, dan akan fana atau musnah kecuali muka sahaja;
 - iii. ***Khattabiyah*** (خطابية) yang percaya bahawa Imam mereka adalah tuhan;
 - iv. ***Hululiyah*** (حلولية) yang menyembah Imam kerana beriktikad bahawa Allah menjelma dalam diri para Imam.
4. ***Karramiyah*** (كرامية) yang mendakwa kalam Allah mempunyai suara dan huruf seperti kalam manusia.
5. ***Batiniyah*** (باطنية) terdiri daripada *Syiah Rafidhah*; yakni yang bersifat ghulur atau ekstrim. Mereka beriktikad bahawa Allah mengambil tempat dalam diri Sayyidina ‘Ali. Oleh itu, ketika berdoa mereka menyeru Ya ‘Ali (يَا عَلِيًّا). Golongan ini pada hakikatnya terdiri daripada penganut *Majusi* yang memeluk Islam secara zahir dengan tujuan meneruskan kepercayaan mereka dengan berselindung di sebalik agama Islam.

Seperti yang disebutkan di atas, ajaran-ajaran yang disebarluaskan itu merupakan ajaran kufur yang menyebabkan seseorang itu terkeluar dari agama Islam. Di tengah-tengah kekecamukan fahaman ini munculah seorang tokoh yang mempunyai kemahiran dalam bidang Hadis, Akidah dan Aliran Pemikiran Semasa, mengambil tanggungjawab untuk membersihkan Akidah Islam daripada ajaran-ajaran yang menyesatkan. Beliau ialah **(الإمام أبو الحسن علي بن إسماعيل الأشعري)**.

Walaupun mempunyai latar belakang yang kukuh dalam ilmu Fekah, Hadis dan Tafsir, namun beliau juga mempunyai kecenderungan dalam perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan Ilmu Aqli. Beliau merasakan terdapat keperluan untuk menguasai Ilmu Aqli bagi mempertahankan Akidah daripada serangan dalam bentuk pemikiran yang berleluasa pada ketika itu terutamanya daripada puak *Mu'tazilah*. Untuk tujuan tersebut beliau berguru kepada tokoh *Mu'tazilah* terkemuka di Basrah pada ketika itu, iaitu Abu Ali Al-Jubbaei (M303H). Disebabkan latar belakang Ilmu Syariah yang kukuh, beliau tidak menerima sepenuhnya setiap pandangan gurunya. Imam Al-Asya'ary sentiasa berhujah dengan Syeikhnya dalam perkara-perkara yang pada pandangannya tidak sesuai dengan Hukum 'Aqal dan Dalil Syarak. Kerana keberadaannya di bawah naungan pemikiran *Mu'tazilah* tidak menyebabkan beliau terputus langsung daripada mengikuti pandangan-pandangan Ahli Fiqah dan Ahli Hadis dalam perbahasan Akidah memandangkan Imam Al-Asya'ary juga adalah seorang yang mempunyai penguasaan yang kukuh dalam bidang-bidang tersebut.

Meninggalkan Fahaman *Mu'tazilah*

Dengan latar belakang yang dipaparkan di atas, Imam Al-Asya'ary membuat perbandingan antara fahaman yang dianuti oleh *Mu'tazilah* dan perbahasan para Fuqaha' dan Ahli Hadis dengan menjadikan dalil naqli daripada Al-Quran dan Al-Sunah sebagai neraca pertimbangan. Daripada sini beliau beroleh keyakinan bahawa jalan yang haq dalam Akidah ialah pada mengikuti jalan para fuqaha' dan Ahli Hadis. Namun demikian ia terdapat kelemahan kerana tidak diperkuuhkan dengan perbahasan-perbahasan akal. Usaha mempertahankan Akidah dalam suasana yang digambarkan sebelum ini diperlukan hujahan yang menggunakan "Mantiq 'Aqli" untuk melakukan serangan balas terhadap musuh-musuh yang menggunakan senjata falsafah.

Maka, berasaskan pertimbangan di atas, beliau meninggalkan fahaman *Mu'tazilah* tanpa mengenepikan Manhaj Istidlal yang dipelajari daripada mereka. Melalui mimbar Masjid Basrah, beliau mengumumkan penolakan terhadap fahaman *Mu'tazilah* dan menjelaskan pegangan barunya melalui kitab-kitab yang dikemukakan pada orang ramai. Dalam pegangannya yang baru ini, Imam Al-Asya'ary menggunakan Dalil Naqli di samping "*Manhaj Jadil*" atau perdebatan berdasarkan Mantiq 'Aqli yang dipelajarinya daripada *Mu'tazilah* dalam menegak dan mempertahankan Akidah dari serangan musuh-musuh Islam.

Dr. Ahmad Abu Zaid dalam tulisannya ketika menggambarkan Manhaj Akidah Imam Al-Asya'ary mengatakan "Roh mazhab Al-Asya'ary kekal asli iaitu pertengahan dan berimbang dalam menghuraikan masalah-masalah Akidah yang rumit. Sifat pertengahan ini berlaku dalam penggunaan Dalil Aqli dan Naqli kerana *Mu'tazilah* bersikap melampau dalam penggunaan aqal, manakala golongan yang menyalahi mereka daripada *Ghulat Hanabilah* pula berpegang dengan Dalil Naqli secara harfiah. Imam Al-Asya'ary melalui *manhaj wasatinya* manggabungkan antara Aqli dan Naqli dalam menegak dan mempertahankan Akidah. Begitu juga beliau menggabungkan antara *takwil* dan berpegang dengan makna zahir nas; *mentakwil* dengan kadar tertentu dan berpegang dengan makna zahir nas dengan kadar tertentu". Dengan *manhaj wasati* ini, Imam Al-Asya'ary berjaya membendung perpecahan yang berlaku di kalangan umat akibat daripada kemunculan berbagai aliran pemikiran sesat dan berjaya menegakkan pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah. Manhaj beliau diterima oleh para Fuqaha' daripada mazhab yang muktabar serta Ahli Hadis Dengan demikian, beliau telah berjaya mengembalikan umat ini kepada sifat asasnya sebagai "*ummatan wasata*" atau umat pertengahan. Bertolak daripada sini, Jumhur Ulama' sepakat mengatakan bahawa Imam Al-Asya'ary adalah *mujaddid* kurun ketiga Hijrah.

Manhaj yang menggabungkan antara hujah 'Aqli dan juga naqli adalah manhaj yang diambil daripada Al-Quran dalam menetapkan Akidah. Misalnya, ketika menjawab kesangsian orang kafir yang mengingkari kebangkitan semula dengan mengatakan: "*Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur luluh*" (Yaasin:48). Al-Quran menyatakan, "*Katakan ia akan dihidupkan oleh Tuhan Yang menciptakannya pada kali yang pertama*". Jawapan ini mengandungi proses *Ta'aqul*, iaitu: Tuhan yang berkuasa menwujudkan sesuatu yang belum wujud sudah tentu lebih berkuasa mengembalikan kewujudannya setelah ia binasa. Manhaj yang menggunakan pendekatan dan bahasa yang difahami dan memberi kesan terhadap musuh ini adalah juga manhaj yang diambil daripada Al-Sunnah. Ketika orang-orang *Quraisy* menyerang peribadi Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melalui media syair yang sangat popular ketika itu, Baginda S.A.W. menjadikan penyair terkemuka Hassan bin Thabit sebagai penyair khusus Baginda untuk membalas serangan daripada penyair-penyair *Quraisy*. Kaedah itu ternyata berkesan sehingga Rasulullah S.A.W. menyatakan bahawa syair-syair Hassan begitu berat menimpa kaum *Quraisy* lebih daripada serangan anak panah. Baginda menyatakan bahawa usaha-usaha Hassan mempertahankan Rasulullah melalui syair-syairnya mendapat bantuan daripada Malaikat Jibril:

(أَبْرَحُوهِمْ، فَإِنَّهُ سَيَعِينُكُمْ عَلَيْهِمْ رُوحُ الْقَدْسِ)

"Jawab serangan mereka; sesungguhnya Malaikat Jibril akan membantu kamu menewaskan mereka".

Mengenai kejayaan manhaj Imam Al-Asya'ari dalam menghadapi gelombang pemikiran *Muktazilah* di zamannya, Iman Abu Bakar Al-Sairafi mengatakan (أَبُو بَكْر الصَّيرْفِي):

كانت المعتزلة قد رفعوا رؤوسهم حتى نشأ الأشعري فجز لهم في أقماع السمسس

“Puak mutazilah ketika itu mendominasi pemikiran Masyarakat sehingga munculnya Imam Al-Asya’ari beliau lalu membenam mereka tanpa mampu mengangkat kepala”

Fatwa Ulama’ Maktabar Bahawa Akidah Yang Dihuraikan Oleh Imam Al-Asy’ari Dan Maturidy Berdasarkan Quran Dan Sunnah Adalah Pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah

1. Imam Tajudin Al-Subki, (تاج الدين السبكي) menyatakan:

هؤلاء الحنفية والشافعية والمالكية وفضلاء الحنابة في العقائد يد واحدة كلهم على رأي أهل السنة والجماعة يدينون لله تعالى بطريق شيخ أهل السنة أبي الحسن الأشعري

“Para Ulama’ Hanafi, Syafii, Maliki dan Ulama’- Ulama’ Utama Hanbali, semua bersatu mengikut pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mereka berpegang dengan agama Allah Ta’ala mengikut mazhab Sheikh Ahli Sunnah Abdul Hasan Al-Asy’ari”.

2. Imam Muhammad Al-Husaini Al-Zabidi (محمد الحسيني الزيدي) dalam syarah Ihya’ Ulumuddin menyatakan:

هذه المسائل التي تلقاها الإمامان أبو حسن الأشعري وأبو منصور الماتريدي
هي أصول الأئمّة رحمهم الله

“Masalah-masalah usuluddin yang diterima oleh dua Imam Abu Al-Hasan Al-Asy’ari dan Abu Mansur Al-Maturidi adalah masalah-masalah usul yang disahkan oleh para Imam Mazhab”.

Menurut beliau lagi:

اذا أطلق أهل السنة والجماعة فالمراد بهم الاشاعر والمتريدية

“Apabila disebutkan Ahli Sunnah Wal Jamaah maka yang dimaksudkan ialah golongan Asya’irah dan Maturidiyah”.

3. Imam Abdul Wahab Al-Sya’rani menyatakan:

واعلم بأخي أن المراد بأهل السنة والجماعة في عرف الناس اليوم الشيخ أبو الحسن الأشعري ومن سبقه بالزمان كالشيخ أبي منصور الماتريدي

“Ketahuilah wahai saudaraku bahawa yang dimaksudkan Dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut urut umah Islam dewasa ini ialah Sheikh Abu Al-Hasan Al-Asy’ari dan ulama-ulama’ yang mendahuluinya seperti Sheikh Abu Mansur Al-Maturidi”.

Cabaran Terhadap Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah Dewasa Ini

Cabaran Utama terhadap pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dewasa ini ialah daripada golongan yang menganut fahaman Wahabi yang di asaskan oleh Muhammad Bin Abdul Wahab (1703-1792) di Dariyah, Najd, Arab Saudi. Sepanjang dua abad yang lalu pemahaman agama di negara ini didominasi oleh golongan berfahaman Wahabi. Dominasi ini berakhir apabila Putra Mahkota Mohamaf Bin Salman dalam temubual dengan The Washington Past pada 22 Mac 2018 menyatakan,

“The Saudi-Funded of Wahabism began as a result of Western countries asking Riyath to help counter the Soviet Union during The Cold War. Successive Saudi governments had lost track of that effort. Today, we are back on the track”

“Penyebaran fahaman Wahabi yang dibiayai oleh Riyadh bermula ekoran permintaan negara-negara Barat bagi tujuan membantu dalam melancarkan serangan balas terhadap Soviet Union ketika era perang dingin. Kerajaan-Kerajaan Saudi sebelum ini telah hilang arah dalam usaha memenuhi permintaan tersebut. Hari ini kita kembali ke landasan yang betul”. Malah dalam temu bual dengan majalah “The Atlantic”, beliau menegaskan, “Ibn Abdul Wahab is not Saudi Arabia. Salah satu kesan penting daripada perubahan dasar Kerajaan Saudi bagi kaum wanita ialah berakhirnya fatwa ulama’ Wahabi yang mengharamkan kaum wanita memandu kereta. Pada 26 September 2017 Raja Salman mengeluarkan perintah membenarkan wanita memandu kereta dan mengenepikan fatwa Ulama Wahabi yang mengharamnya. Pada 4 Jun 2018, Ahlaam Aalthaniyyan menjadi wanita pertama menerima lesen memandu di Arab Saudi.

Wanita-wanita Arab Saudi terpaksa melalui proses perjuangan yang Panjang untuk mendapatkan hak memandu melalui tunjuk-tunjuk perasaan dan kempen menerusi media massa. Antaranya ialah tunjuk perasaan yang melibatkan 17 buah kereta dipandu oleh pemandu wanita dengan penyertaan oleh 47 orang para penunjuk perasaan daripada kaum wanita. Tunjuk perasaan ini berakhir dengan semua peserta ditangkap dan dihukum pecat daripada jawatan masing-masing. Bapa-bapa dan suami mereka turut ditangkap atas tuduhan gagal mengawal anak-anak dan isteri mereka. Seorang Wanita kerjaya menyiaran rungutan dalam sebuah akhbar tempatan mengenai masalah yang terpaksa dihadapi untuk ke tempat kerja. Dia terpaksa menggaji pemandu dan dalam masa yang sama seorang wanita semata-mata untuk berada bersamanya ketika berulang alik ke tempat kerja. Kerana berada bersama lelaki yang bukan mahram dalam kereta menjadi satu kesalahan di bawah peraturan khalwat.

Fahaman Wahabi bukan sahaja mengandungi penyelewengan dalam akidah dan amalan, tetapi juga boleh memecah belahkan masyarakat serta menjadi ancaman kepada keselamatan negara dan umat disebabkan pandangan dan fatwa yang bersifat “ghuluw” atau ekstrim. Gejala ekstrim tersebut dapat diperhatikan daripada pandangan dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh kelopak ini seperti berikut:

1. Fatwa Dr. Nasir Bin Abdul Karim dalam bukunya “Islamyyah La Wahhabyyah” menyatakan bahawa berkumpul membaca apa-apa ratib adalah perbuatan syirik;

ومنها الاجتماع على رواتب المشايخ برفع الصوت وقراءة الفواخع والتسلل بهم
في المهرات كراتب السمان وراتب الحداد ونحوهما فيقا تلون على ذلك
(ص: ٩٢)

“Antara perbuatan syirik ialah berkumpul untuk membaca ratib dengan mengangkat suara dan bertawasul dengan para ulama’ seperti ratib Al-Haddad, Al-Samman dan yang seumpamanya – maka mereka harus diperangi atas perbuatan tersebut”.

Dr. Salih Bin Fawzan Al-Fauzan dalam bukunya “Kitab Al-Tauhid” menyifatkan Sambutan Maulid Nabi adalah amalan bidah yang sesat:

ومنها الاحتفال بمنا سبة المولد النبوى، فى ربيع الأول، وهو تشبيه
بالنصارى

“Antara amalan bidah yang sesat ialah Maulid Nabi pada bulan RabiulAwal. Kerana ia menyerupai amalan Kristian”.

Seorang ulama' terkemuka Wahabi Bin Baz menyifatkan perayaan Maulid Nabi sebagai syirik, seperti yang tersiar dalam akhbar "Ukaz":

"إقامة المولد الشركية لا أساس لها من الدين"

"Menganjurkan perayaan Maulid yang syirik tidak ada asas dalam agama".

Fatwa-fatwa seperti ini akan mendorong tindakan keganasan di kalangan pengikut wahabi terhadap pihak yang berbeza pandangan. Pada 31 Ogos 1995 umat Islam Lubnan dikejutkan dengan pembunuhan kejam terhadap Sheikh Nizar Halabi, seorang ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di Beirut. Para pelakunya berjaya ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah. Dua daripada mereka dihukum mati. Dalam perbicaraan mereka mengaku berguru kepada seorang Sheikh Wahabi Ahmad Abdul Karim yang digelar "Abu Mihjan". Antara sebab diberi mengapa Sheikh Nizar dibunuh ialah menganjurkan sambutan Maulid Nabi secara besar-besaran di Beirut. Sheikh Usammah Al-Sayad ketika mengenang peristiwa itu menulis dalam majalah Ash-Shiraa' bertarikh 30 Ogos 2022:

وقد جاءت عملية الاغتيال هذه تنفيذا لفتوى باطلة حيث رأت تلك العصبة التي تدور في فلك الفكر الوهابي الظلامي في الشيخ الراحل

"Pembunuhan ini dilakukan kerana melaksanakan fatwa menyeleweng yang dipegang oleh kumpulan yang dipengaruhi oleh pemikiran Wahabi yang kelam terhadap almarhum Sheikh Nizar".

Serangan terbaru terhadap perhimpunan Maulid Nabi berlaku pada 29 September 2023 di Balochisten, Pakistan yang mengakibatkan 50 orang terbunuh dan berpuluhan lagi cedera.

Daripada perbincangan-perbincangan di atas dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Ahli Sunah Wal Jamaah ialah mereka yang mengikut manhaj Imam Abu Hasan Al-Asy'ari dan Abu Mansur Al-Maturidi dalam menetapkan akidah. Manhaj kedua-dua imam ini merupakan kesinambungan daripada asas-asas yang diterima daripada para Sahabat, Tabiin dan seterusnya yang dikenali dengan Assafusssoleh. Gelaran ini lahir bagi membezakan Golongan Terselamat dengan pelbagai ajaran bidah yang lahir selepas kewafatan Rasulullah S.A.W. Baginda menyatakan bahawa kumpulan yang terselamat selepasNya iaitu "Assawadul Aazam". Sifat ini menepati aliran Asya'irah dan Maturidiyah. Kerana kedua-dua aliran ini membentuk lebih 90% daripada keseluruhan umat.
- ii. Ahli Sunah Wal Jamaah berasaskan manhaj kedua-dua imam ini menjadi pegangan seluruh ulama' ummah daripada mazhab-mazhab maktabar. Mereka terdiri daripada Fuqaha', Ahli Hadis, Mufassirun, Ulama' Sufi, Ulama' Lughah dan Qiraat.
- iii. Dalam fiqh, para ulama' Ahli Sunah Wal Jamaah mengikut Al-Quran dan Al Sunnah melalui kaedah bermazhab. Ini adalah kaedah yang diperintah oleh Allah Ta'ala dalam memahami Quran seperti tersebut dalam surah AL-Anbiyaa' ayat 7:

فَاسْأُلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

"Tanyalah ahli ilmu jika mau tidak mengetahui".

Menurut Ibnu Zaid: Ahli Zikr ialah Ahli Quran – Menurut Sayidina ‘Ali: Kamilah Ahli Zikr. Baginda adalah seorang mujtahid Sahabat. Ini bermakna untuk memahami hukum Quran di setiap zaman mestalah melalui ulama’ mujtahid. Dengan demikian aliran Lamazhabi yang tidak berpegang dengan mana-mana mazhab Muktabar adalah bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah berasaskan Manhaj Asya’irah dan Maturidiyah.

- iv. Oleh yang demikian, golongan yang berpegang dengan ajaran bidah dan ekstrim yang bertentangan dengan pegangan majoriti ummah seperti Syi’ah Khawarij, Wahabi, Salafiah Jihadiyah, Al-Qaidah, Ikhwanul Muslimin Hizbut Tahrir – terkeluar daripada pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah.
- v. Memandangkan wujud golongan yang menganut fahaman bidah mendakwa mereka adalah Ahli Sunah Wal Jamaah, maka dalam sebarang kenyataan dan dokumen rasmi perlulah dinyatakan dengan penuh: Ahli Sunah wal Jamaah berdasarkan aliran Asya’irah dan Maturidiyah seperti dalam perlembagaan USAS Seksyen 6 (c): “Memperkasa dan mendukung pegangan Ahli Sunnah Wa al Jama’ah yang berdasarkan iktikad Asya’irah dan Maturidiyah dalam bidang akidah”. Ini bagi mengelakkan berlaku kekeliruan dikalangan orang ramai dan menggagalkan percubaan golongan bidah mengesahkan fahaman mereka melalui penggunaan istilah Ahli Sunah Wal Jamaah.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ